

Tambahan peruntukan Kementerian—
Pelajaran \$176 juta — Mahathir

Hasrat kerajaan sungguh2 mahu tinggikan mutu pelajaran

MING. M. 1 NOV 1975

MENTERI Pelajaran (Dr. Mahathir Mohamad) berkata, tambahan sebanyak \$176 juta bagi Kementerian Pelajaran tahun depan merupakan hasrat kerajaan yang bersungguh-sungguh hendak meninggikan mutu pelajaran di negara ini walaupun adanya tekanan inflasi dan stagflasi.

Katanya, dalam sebuat negara yang giat membangun seperti Malaysia, pelajaran terutama di bidang sains dan teknologi mempunyai peranan yang amat penting untuk pembangunan ekonomi yang sihat.

Tahun 1976 Kementerian Pelajaran diberi peruntukan \$1,463 juta berbanding dengan \$1,287 juta tahun 1975.

TAPAH 15 NOVEMBER

Bercakap tentang cuti penggal akhir persekolahan 1975 yang bermula hari ini, Dr. Mahathir mengingatkan murid-murid dan para pelajar bahawa cuti panjang itu tidak bertujuan untuk mereka berihat dan membazirkan masa.

Ibubapa sendiri perlu

menolong ibubapa di ladang-ladang.

Katanya, beratus-ratus murid dari kawasan luar bandar boleh membuat kerja-kerja itu di ladang-ladang dan dusun-dusun kepunyaan ibubapa mereka.

Beliau yakin, jika murid-murid dapat melaku-

Berucap merasmikan bangunan tambah (Sekolah Kebangsaan Tapah pagi ini, Dr. Mahathir berkata, hasil kajian oleh pakar-pakar pembangunan ekonomi menunjukkan perbelanjaan yang besar terhadap rancangan pelajaran mempunyai kaitan yang positif dengan perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Perbelanjaan yang banyak untuk pelajaran dapat menghasilkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, dan hasilnya tidak setakat menambah kemakmuran negara, tetapi juga boleh mengadakan peruntukan kewangan yang lebih banyak bagi perkembangan pelajaran itu sendiri.

"Oleh yang demikian kerajaan kita sanggup mengadakan peruntukan yang besar untuk pelajaran tiap tahun, malah yang terbesar di dalam belanjawan negara beberapa tahun kebelakangan, termasuk tahun ini dan tahun depan," katanya.

memainkan peranan dengan menentukan supaya anak-anak dapat menggunakan cuti itu dengan penuh faedah.

Masa cuti hendaklah dibahagi-bahagikan dengan cermat supaya masa itu dapat memberi faedah kepada murid-murid yang bercuti itu.

Di kampung-kampung dan kawasan luar bandar murid-murid terutama dari sekolah menengah boleh menggunakan setengah dari cuti mereka untuk

kan kerja-kerja ini di samping menggunakan sebahagian masa untuk mengulangkaji pelajaran, banyak faedah akan diperolehi dan masa tidak terbuang dengan sia-sia.

Di samping itu, Dr. Mahathir juga menasihatkan guru-guru dan ibubapa sama-sama mendidik anak-anak supaya mempunyai sikap dan disiplin diri yang baik untuk menjamin kecapaian yang tinggi dalam pelajaran mereka.